

Headline	Pemeriksaan muzium rujukan terulung		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	11 Jun 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	27	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	686 cm ²
Journalist	Noor Ainulyakin Mohamad Ishak	AdValue	RM 3,773
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,319



Pemeriksaan muzium rujukan terulung

NOOR AINULYAKIN MOHAMAD ISHAK

Cipta teknologi dan konsep interaktif digemari pengunjung

noor.ainulyakin@sinarharian.com.my

Bidang permuziuman di Malaysia dewasa ini sepatutnya berusia matang. Ini disebabkan bermulanya dengan pembukaan Muzium Perak, Taiping pada 1886 hingga sekarang berusia menjangkau 114 tahun. Apa yang berlaku sekarang ini daripada segi penambahan jumlah muzium amat membanggakan kerana hingga kini Malaysia mempunyai lebih kurang 185 muzium.

Persoalannya adakah pencapaian mutu dan peranan yang dimainkan sudah tahap paling maksimum? Sebenarnya usia tuanya, masih belum mampu memamatkan bidang ini sehingga kini.

Pengaruh Muzium Diraja Abu Bakar, Johor, Datuk Paiman Keromo berkata, hal ini berlaku disebabkan jumlah muzium yang banyak ditambah dengan pesaing kurang berlumba-lumba mencari idea terbaru menarik pelanggan.

Ini menjadikan kebanyakan muzium di negara ini berada dalam kancah bersaing sesama sendiri dengan produk hampir sama dan kaedah pameran serta pengembangan yang sama.

Menurutnya, muzium negeri terutamanya mempunyai produk dan artifak yang hampir sama. Akibat daripada situasi itu, muzium di negara ini tidak berganjak ke mana-mana malahan semakin hari semakin menurun.

"Akhirnya mengurangkan minat pengunjung dan penyelidik datang ke muzium atau melayari laman sesawang yang disediakan.

"Untuk keluar daripada kancah ini maka perlu diaturkan satu strategi keluar daripada bersaing sesama sendiri dan berkelainan tanpa pesaing," katanya pada Seminar Pemeriksaan Muzium baru-baru ini.

Kata Paiman, dua aspek perlu dikaji dengan lebih mendalam untuk mentransformasikan muzium di negara ini melalui Pembangunan Teknologi dan Pembangunan Modal Insan.

Kedua-dua aspek ini hendaklah bergerak secara bersepadu

"Trend yang sering berlaku jika sebuah muzium menggunakan teknologi baru, muzium lain juga cuba memiliki teknologi sama.

"Oleh kerana teknologi ini diimport atau dibeli menjadikan tidak dapat bertahan lama kerana sering rosak dan ketiadaan program perkhidmatan selepas jualan," katanya.

Mantapkan R&D

Tambah Paiman, berdasarkan usia bidang permuziuman yang beratus tahun, sebenarnya sudah tiba masanya untuk muzium di negara ini berkemampuan mencipta teknologinya sendiri yang dipadankan dengan produk yang hendak dipamerkan.

"Kita sepatutnya mampu mencipta pelbagai teknologi yang bukan sahaja digunakan sendiri tetapi dijual kepada muzium lain. Amalan mengagung-agungkan produk orang lain sepatutnya sudah lama ditinggalkan.

"Pameran yang statik dan menggunakan panel pameran sudah tidak lagi relevan dan diminati generasi sekarang. Justeru perlu beralih ke lain media penyampaian pameran agar lebih digemari dan mudah difahami pengunjung," katanya.

Bagi melaksanakan program ini kata Paiman, bidang pembangun dan penyelidikan (R&D) perlu diperkukuhkan. Penyelidikan seharusnya menekankan bagaimana hendak memberikan pemahaman pengunjung melalui teknologi terkini seperti robotik, menampilkan kaedah mekanikal untuk artifak lebih beraksi.

"Semua kakitangan perlu dilatih secukupnya dalam pelbagai aspek permuziuman. Tempat latihan juga memainkan peranan penting.

"Mereka juga perlu didedahkan kepada latihan di luar negara bertujuan bagi membuka minda masing-masing ke arah membandingkan apa yang mereka ada dan apa yang kita ada."

Keutamaan latihan adalah bidang teknikal yang berkaitan dengan pameran muzium dan juga pelestarian harta budaya negara serta menggunakan bahas Inggeris sebagai perantara transformasi muzium yang amat penting, tambah Paiman.

Kerjasama pakar

Bagi membangunkan teknologi di berbagai bidang di muzium adalah dicadangkan ditubuhkan kumpulan pakar di berbagai bidang yang dianggotai oleh kakitangan muzium seluruh negara.

"Buat permulaan bidang tersebut ialah bidang penyelidikan sejarah, bidang kebudayaan, bidang warisan semula jadi, bidang peragaan muzium dan bidang konservasi koleksi dan artifak.

"Sebagai contoh dalam bidang alam semula jadi Muzium Serawak mempunyai pakar yang bertaraf antarabangsa dan jika digabungkan dengan pakar dari Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim), Geopark Kilim, Langkawi dan daripada pelbagai muzium di seluruh negara akan dapat membuahkan hasil yang mungkin menakjubkan.

Di samping itu kata Paiman, kumpulan seperti ini hendaklah mengadakan program penyelidikan dan eksperimen bersama sekerap dan selama mungkin sepanjang tahun berterusan.

"Begitu juga misalnya kumpulan Peragaan Muzium yang menggabungkan tenaga kakitangan pelbagai muzium untuk mengeksperimentkan teknik pameran yang lain daripada kebiasaan.

"Program ini boleh digerakkan melalui Persatuan Muzium Malaysia atau oleh mana-mana muzium yang dianggap berkepentingan dalam bidang-bidang tertentu," katanya.

Bagi memberikan keberkesanan dalam merancang transformasi muzium ini, kata Paiman, ia harus dibuat secara bersepadu. Perlu digerakkan orang yang berkecimpung dalam bidang permuziuman itu sendiri


"Melalui program ini muzium tidak akan ketandusan dalam melahirkan golongan pakar yang tersohor.

"Pada masa akan datang kita akan dapat melahirkan penerbitan yang berbentuk teknologi dalam berbagai bidang dan bukan hanya dalam bentuk sejarah dan kebudayaan seperti mana yang berlaku sekarang ini," katanya.

Headline	Pemeriksaan muzium rujukan terulung		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	11 Jun 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	27	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	686 cm ²
Journalist	Noor Ainulyakin Mohamad Ishak	AdValue	RM 3,773
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,319



Cara mempamerkan artefak perlu lebih interaktif.



Cara penjagaan artifak sangat dititik beratkan agar tahan lama.